

**BAHASA MELAYU DIJUNJUNG, BAHASA INGGERIS DIGENDONG:
PERSPEKTIF PERANCANGAN BAHASA MELAYU MENJELANG 2065**

DR. MOHAMED AIDIL SUBHAN BIN MOHAMED SULOR

BAHASA MELAYU DIJUNJUNG, BAHASA INGGERIS DIGENDONG: PERSPEKTIF PERANCANGAN BAHASA MELAYU MENJELANG 2065



DR. MOHAMED AIDIL SUBHAN BIN MOHAMED SULOR mempunyai pengalaman lebih 30 tahun sebagai seorang pendidik di peringkat sekolah rendah, menengah dan juga institusi pengajian tinggi. Beliau telah menghasilkan dua buah buku perancangan Bahasa Melayu di Singapura yang berjudul, “Bilingualism and Malay Language Planning in Singapore” (2018), dan “Issues in Malay Language Planning” (2020). Dr. Aidil kini menyandang jawatan sebagai Pensyarah Kanan, Kurikulum dan Pedagogi di Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Singapura.

SINOPSIS

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan hasil Banci Penduduk Singapura 2020 yang menunjukkan jumlah peratusan yang semakin menurun penggunaan Bahasa Melayu di rumah-rumah Melayu berbanding dengan penggunaan Bahasa Inggeris. Selepas 56 tahun penerapan sistem dwibahasa di Singapura, adakah penurunan ini bermakna penggunaan Bahasa Melayu di Singapura semakin kritikal? Bagaimanakah rupa Bahasa Melayu pada tahun 2065 (SG100) jika penurunan ini tidak diatasi. Syarahan ini akan menyelongkar isu-isu perancangan Bahasa Melayu di Singapura dari 1965 hingga kini dan menjelajah bagaimana perancangan seterusnya boleh dilakukan menjelang 2065. Kerangka Cooper (1980) akan digunakan untuk audit perkembangan Bahasa Melayu dalam konteks dwibahasa di Singapura, dan menjelaskan konsep perancangan bahasa Melayu dari persepektif perancangan bahasa.

ABSTRAK

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan hasil Banci Penduduk Singapura 2020 yang menunjukkan jumlah peratusan yang semakin menurun penggunaan Bahasa Melayu di rumah-rumah Melayu berbanding dengan penggunaan Bahasa Inggeris. Selepas 56 tahun penerapan sistem dwibahasa di Singapura, adakah penurunan ini bermakna penggunaan Bahasa Melayu di Singapura semakin kritikal? Bagaimanakah rupa Bahasa Melayu pada tahun 2065 (SG100) jika penurunan ini tidak diatasi. Kertas ini akan menyelongkar isu-isu perancangan Bahasa Melayu di Singapura dari 1965 hingga kini dan menjelajah bagaimana perancangan seterusnya boleh dilakukan menjelang 2065. Kerangka Cooper (1980) akan digunakan untuk audit perkembangan Bahasa Melayu dalam konteks dwibahasa di Singapura, dan menjelaskan konsep perancangan bahasa Melayu dari persepektif perancangan bahasa.

Gadis di anjung menghiris kedondong,
Berlagu merdu sayu mendayu,
Bahasa Melayu dijunjung, Bahasa Inggeris digendong,
Wawasan sepadu bersama dirayu.

Menebar candik siku melampung,
Datang bertamu kuntum melati,
Hilir mudik kembali berkampung,
Menjana ilmu warisan sejati.

I PENDAHULUAN

Dasar bahasa di Singapura berpaksikan dwibahasa, iaitu Bahasa Inggeris sebagai bahasa pentadbiran, bahasa perniagaan dan bahasa ilmu, dan Bahasa Ibunda sebagai bahasa warisan dan nilai. Dasar dwibahasa ini telah mula terancang semenjak tahun 1956 berdasarkan saranan *All-Party Report* yang mana setiap bahasa masyarakat majmuk Singapura diajar di sekolah-sekolah termasuk Bahasa Inggeris. Walaupun tujuan utama *All-Party Report* adalah tertumpu kepada pelestarian pembelajaran dan penggunaan Bahasa Cina, ia juga telah menekankan dasar kesamarataan yang mana Bahasa Melayu dan juga Bahasa Tamil tidak diketepikan dalam sistem pendidikan Singapura.

Maka dari sinilah mulanya sistem dwibahasa Singapura yang berbeza daripada sistem dwibahasa yang diguna pakai di negara-negara lain. Ini disebabkan sistem dwibahasa Singapura menekankan Bahasa Inggeris dan satu lagi Bahasa Ibunda, iaitu sama ada Bahasa Cina, Bahasa Melayu ataupun Bahasa Tamil. Ini yang dinyatakan oleh Pakir (1991) sebagai "*English-knowing bilingualism*" atau sistem dwibahasa yang berpaksikan Bahasa Inggeris. Setelah lebih 56 tahun dengan sistem dwibahasa yang fungsional sebegini, Bahasa Melayu semakin berkembang penggunaannya terutama sekali dalam konteks pendidikan, iaitu melalui program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Singapura (MOE).

Namun demikian, Banci Penduduk 2020 pula menunjukkan bahawa peratusan penggunaan Bahasa Melayu semakin menurun di rumah-rumah Melayu. Mengapakah ini berlaku? Kertas ini akan menyelongkar isu perancangan Bahasa Melayu di Singapura dan bagaimana perancangan selanjutnya perlu dilakarkan. Sebagai permulaan, saya akan menjelaskan sejarah perkembangan perancangan Bahasa Melayu di Singapura dari tahun 1965 hingga kini, dan kemudian akan menjelaskan konsep perancangan bahasa dan perkaitannya dengan perancangan Bahasa Melayu, sebelum berakhir dengan perspektif saya bagaimana lakaran perancangan seterusnya menjelang 2065 boleh dilakukan.

2 SEJARAH PERANCANGAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

Untuk melihat bagaimana Bahasa Melayu berkembang di Singapura, kita perlu melihatnya dahulu dari konteks Fasa Pendidikan Singapura yang dilalui semenjak tahun 1965 apabila Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia. Oleh kerana Singapura tiada agensi perancangan bahasa yang khusus, MOE menjadi agensi utama dari segi hala tuju perkembangan sesuatu bahasa termasuk Bahasa Melayu. Terdapat empat Fasa Pendidikan yang dilalui Singapura setakat ini, iaitu Fasa Berteraskan Penakatan (1965 – 1978), Fasa Berteraskan Kecekapan (1979 – 1991), Fasa Berteraskan Kebolehan (1992 - 2003), dan Fasa Berteraskan Nilai (2004 hingga kini).

2.1 FASA BERTERASKAN PENAKATAN (1965 – 1978)

Fasa ini saya namakan juga sebagai '*Golden Age*' atau zaman kegemilangan Bahasa Melayu di Singapura. Walaupun Singapura sudah berpisah dengan Malaysia, Bahasa Melayu masih lagi memainkan peranan utamanya, iaitu sebagai bahasa perpaduan, bahasa perdagangan, dan juga bahasa pentadbiran (walaupun pada permulaan sahaja).

Pada fasa ini juga berkembangnya sekolah-sekolah aliran Melayu di peringkat rendah, menengah dan juga pra-universiti. Sekolah-sekolah aliran Melayu yang terkenal pada ketika itu adalah Sekolah Rendah Melayu Pasir Panjang, Sekolah Rendah Tanglin Tinggi, Sekolah Melayu Kota Raja, Sekolah Menengah Yusof Ishak, Sekolah Menengah Sang Nila Utama, Sekolah Menengah Monk's Hill, Sekolah Menengah Tun Seri Lanang, Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim, dan sebuah pusat pra-Universiti untuk aliran Melayu di Sekolah Menengah Bartley.

Sekolah-sekolah ini menempatkan pelajar-pelajar aliran Melayu sama ada secara keseluruhan atau diintegrasikan dengan aliran Inggeris. Untuk pengetahuan golongan muda, aliran Melayu bermakna semua subjek dipelajari dalam Bahasa Melayu kecuali subjek Bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar dalam aliran Melayu juga mengambil subjek sastera Melayu.

2.2 FASA BERTERASKAN KECEKAPAN (1979 – 1996)

Pada tahun 1978, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Encik Goh Keng Swee telah menyemak semula sistem pendidikan Singapura dari aspek penggunaan Bahasa Mandarin dan Bahasa Inggeris. Melalui tinjauan beliau, didapati bahawa lulusan sekolah yang memasuki Perkhidmatan Negara tidak menunjukkan kebolehan berbahasa Mandarin yang baik dan Bahasa Inggeris mereka juga masih pada tahap yang belum boleh dibanggakan. Maka beliau memulakan proses menyemak semula sistem pendidikan di Singapura. Pada tahun tersebut, Laporan Kementerian Pendidikan 1978 atau lebih dikenali sebagai Laporan Goh dikeluarkan dengan beberapa saranan yang merubah sama sekali sistem pendidikan nasional.

Laporan Goh memulakan Fasa Berteraskan Kecekapan yang mana sistem pendidikan Singapura menghadapi perubahan untuk mengambil kira perbezaan kemampuan pelajar. Untuk mengatasi masalah kebolehan berbahasa Mandarin dan Inggeris, sistem pengaliran pelajar berdasarkan kemampuan masing-masing diperkenalkan. Dalam sistem ini, pelajar yang lemah pencapaian akademiknya, disalurkan ke sama ada aliran Lanjutan (*Extended*) atau Eka bahasa (*Monolingual*) di sekolah rendah dengan tambahan dua tahun pengajian. Di sekolah menengah pula, mereka disalurkan ke aliran Biasa (Akademik) [*Normal (Academic)*] atau Biasa (Teknikal) [*Normal (Technical)*] dengan tambahan setahun pengajian. Laporan ini menjadi asas kepada Sistem Pendidikan Baharu (New Education System) yang diimplementasikan secara keseluruhan pada tahun 1980.

Dalam fasa yang kedua, iaitu Fasa Berteraskan Kecekapan, penekanan terhadap Bahasa Melayu semakin berkurangan. Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa luas penggunaan menyedarkan masyarakat Melayu akan kepentingan bahasa tersebut. Ibu bapa Melayu semakin cenderung untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris. Oleh itu, sekolah-sekolah aliran Melayu semakin berkurangan disebabkan kemasukan yang menurun. Penekanan dalam pendidikan lebih terhadap penggunaan Bahasa Inggeris, dan

Bahasa Melayu dan bahasa-bahasa ibunda yang lain lebih digunakan sebagai repositori budaya. Pada tahun 1985, pelajar-pelajar aliran Melayu diintegrasikan dengan pelajar-pelajar aliran Inggeris, dan dua tahun kemudian, sistem aliran Melayu tidak menjadi sebahagian dari sistem pendidikan di Singapura.

Namun, pendidikan Bahasa Melayu dalam sistem baharu ini juga memanfaatkan perubahan ini dengan program pengajaran yang berlandaskan kebolehan. Walaupun pelajar-pelajar Melayu masih lagi rata-rata menunjukkan pencapaian tinggi dalam Bahasa Melayu, program aliran berdasarkan kebolehan yang diperkenalkan dapat meningkatkan pencapaian Bahasa Melayu golongan yang mungkin menghadapi masalah mempelajari Bahasa Melayu dan sekaligus memberi motivasi kepada pelajar-pelajar lain untuk meningkatkan pencapaian mereka. Pada tahun 1986, pembelajaran Bahasa Melayu diperluaskan kepada pelajar bukan Melayu dan tidak mengambil Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ibunda melalui program Bahasa Melayu (Khas) atau *Malay (Special Programme) (M(SP))*. Program ini dibuka kepada pelajar pencapaian tinggi sahaja. Menerusi program ini, dianggarkan bahawa pelajar-pelajar pencapaian tinggi ini akan lebih memahami Bahasa Melayu dan juga berupaya untuk berurusan dengan jiran Singapura pada masa akan datang.

Sukatan Bahasa Melayu juga dipertingkatkan dengan penubuhan Institut Perkembangan Kurikulum Singapura (CDIS) di mana golongan guru-guru pakar penulis (*specialist writers*) ditempatkan untuk menghasilkan bahan-bahan pengajaran Bahasa Melayu yang boleh digunakan bagi setiap program. Ia juga menghasilkan golongan elite di kalangan tenaga pengajar Bahasa Melayu yang menjadi pemimpin dan penggerak dalam era Sistem Pendidikan Baharu.

2.3 FASA BERTERASKAN KEBOLEHAN (1997 - 2011)

Sistem pengaliran pelajar ini dikemaskinikan dalam fasa Berteraskan Kebolehan. Kebolehan pelajar semakin diperluaskan dan bukan sahaja tertakluk kepada aspek akademik, namun meliputi bidang non-akademik. Aspek kesihatan mental dan fizikal diberi tumpuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang lebih berdaya saing dalam era globalisasi. Fasa ini bermula dengan penghasilan Laporan Pembaikan Pendidikan Sekolah Rendah 1991 (*Improving Primary School Education Report*). Antara sebab reviu ini adalah keperluan penambahan masa untuk pelajar-pelajar lemah dalam sistem dwibahasa, terutama sekali Bahasa Inggeris – Bahasa Mandarin. Maka, beberapa penambahbaikan disarankan dan kemudian dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan kemudian peringkat menengah. Pelajar-pelajar yang lemah dalam bahasa dan matematik diberi masa yang lebih untuk mengatasi kelemahan tersebut. Lebih banyak masa diperuntukkan untuk pengajaran Bahasa Inggeris dan nama yang diberi kepada program aliran diperingkat rendah diubah kepada EM1 (Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda pada peringkat bahasa pertama), EM2 (Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda di peringkat bahasa kedua) dan EM3 (Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda diperingkat kebolehan lisan).

Dalam fasa ini juga mulanya konsep Sekolah Berdaya Fikir, Negara Berdaya Saing (*Thinking Schools, Learning Nation - TSLN*) pada tahun 1997 yang mana pemikiran kritikal dan kreatif dalam konteks pengajaran untuk pemahaman (*Teaching for Understanding*) dipentingkan dan bukan sahaja pengajaran untuk pengetahuan (*Teaching for Knowledge*). Sistem pendidikan menekankan kepentingan berfikir dan usaha mengajar berfikir menjadi satu teras yang ditekankan bagi setiap subjek. Dalam kerangka TSLN, inisiatif Kurangkan Pengajaran, Lebihkan Pembelajaran (*Teach Less, Learn More*) diperkenalkan pada tahun 2005 agar yang dipentingkan bukan sahaja hasil pembelajaran tetapi juga proses pembelajaran tersebut.

Walaupun sudah tiada lagi sekolah aliran Melayu, penumpuan terhadap Bahasa Melayu semakin meningkat dengan adanya pelbagai inisiatif yang tercetus daripada

penubuhan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) pada tahun 2004. Ini merupakan julung-julung kalinya semakan yang berpusatkan kurikulum dan pedagogi dilaksanakan oleh MOE untuk subjek Bahasa Ibunda. Sebelum ini, jawatankuasa semakan yang terbentuk bertanggungjawab untuk melihat kesan serta bagaimana mengatasi kelemahan tertentu dari aspek sistem pentadbiran dan pelaksanaan program. Jawatankuasa semakan ini dimulakan dengan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Cina (CLCPRC) pada tahun 2004. Antara sebab penubuhannya adalah untuk mengatasi cabaran dwibahasa, terutama sekali dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina – bagaimana untuk menjadikan ia lebih menarik dan relevan kepada pelajar-pelajar.

Dalam fasa ini juga beberapa perubahan terlaksana terhadap Bahasa Melayu. Pertama adalah pengimplementasian sebutan baku yang mula diperkenalkan pada tahun 1993 dan diperkukuhkan di setiap peringkat pengajaran dari 1997. Pembakuan Bahasa Melayu dalam konteks pendidikan di Singapura sebenarnya telah bermula semenjak 1976 apabila MOE menerima penggunaan Sistem Ejaan Baharu Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dan kemudian menengah dan kemudian institusi pengajian tinggi. Sebenarnya, kalau hendak difikirkan, pembakuan ini bermula dari tahun 1956 semasa Kongres Bahasa Melayu Ketiga yang diadakan di Singapura. Antara saranan yang diterima kongres adalah peluasan penggunaan tulisan rumi untuk Bahasa Melayu. Dan kita boleh lihat perkembangan ini dalam Perlembagaan Singapura yang mana Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi adalah yang dalam bentuk rumi. Saya menyatakan ini kerana pembakuan sesuatu bahasa itu meliputi tulisan, ejaan, tatabahasa, perkamusan dan sebutan.

Selain itu, Program Elektif Bahasa Melayu (*Malay Language Elective Program – MLEP*) di Maktab Rendah dan Program Elektif Bahasa Melayu di Sekolah Menengah (*Elective Malay Language Programme for Secondary School – EMAS*) untuk pelajar-pelajar yang menunjukkan pencapaian baik dalam Bahasa Melayu dilancarkan pada tahun 2001. Melalui program ini, pelajar-pelajar yang terpilih akan diberi pendedahan yang lebih

mendalam terhadap sastera dan budaya Melayu di peringkat serantau dan global. Mereka juga diberi biasiswa tahunan yang akan digunakan untuk bengkel-bengkel pengayaan dan program serapan ke luar negara.

Dalam fasa ini juga visi dan misi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, iaitu melahirkan insan Arif Budiman direalisasi melalui Laporan MLCPRC 2004. Arif Budiman – insan yang berilmu dan menyumbang kepada masyarakat, diharap dapat menjadi teras pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam Abad ke-21. Menerusi visi dan misi ini, diharapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berlandaskan bahasa, budaya dan sastera akan membina insan yang menyeluruh, iaitu berilmu dan juga menyumbang kembali kepada masyarakatnya dan negara.

2.4 FASA BERTERASKAN NILAI (2012 – HINGGA KINI)

Pada tahun 2011, Menteri Pendidikan ketika itu, Encik Heng Swee Keat, memperkenalkan fasa baharu dalam pendidikan Singapura. Beliau menamakannya fasa Berpaksikan Pelajar, Berlandaskan Nilai (*Student-centric, Values-driven Education*). Semasa fasa ini, elemen nilai sebagai teras pendidikan ditekankan. Berlandaskan enam nilai pendidikan dan perwatakan, iaitu hormat-menghormati, tanggungjawab, daya bingkas, integriti, sifat penyayang dan harmoni, diharapkan pelajar-pelajar bukan sahaja mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan tetapi juga menjadi insan yang prihatin terhadap diri mereka, keluar, masyarakat dan dunia.

Melalui fasa ini, pengukuhan terhadap program-program yang sedia ada dilaksanakan. Antaranya adalah perluasan program EMAS dan MLEP untuk pelajar-pelajar yang menunjukkan kemampuan berbahasa yang baik, perluasan kemasukan untuk program M(SP) untuk pelajar-pelajar bukan Melayu yang berminat untuk mengambil Bahasa Melayu sebagai elektif di peringkat menengah, dan *subject-based banding* yang mana pelajar-pelajar dikumpulkan berdasarkan kebolehan berbahasa mereka dan bukan aliran. Pengukuhan

inisiatif ini menunjukkan tekad pemerintah untuk menentukan kelangsungan sistem dwibahasa di Singapura dan mencapai objektif identiti rakyat Singapura yang fasih berbahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda mereka.

Oleh yang demikian, setelah melalui keempat-empat fasa ini, kita dapati bahawa dari segi perancangan Bahasa Melayu dalam pendidikan, banyak yang telah berubah. Bahasa Melayu dari menjadi bahasa perpaduan dan perantaraan, kini berstatus Bahasa Ibunda dalam kerangka *“English-knowing bilingualism”* di Singapura. Namun, banyak inisiatif dan program dilaksanakan oleh pemerintah melalui MOE untuk memupuk perkembangan Bahasa Melayu di kalangan penutur jati dan juga mereka yang mempunyai minat terhadap Bahasa Melayu.

3 KONSEP-KONSEP UTAMA PERANCANGAN BAHASA DAN KAITANNYA DENGAN PERANCANGAN BAHASA MELAYU

Sekarang tiba masanya untuk kita mengetahui dan memahami konsep-konsep utama dalam perancangan sesuatu bahasa. Pertama sekali kita akan mengenal pasti apa yang dimaksudkan dengan perancangan bahasa, kemudian meninjau kepentingan merancang bahasa, dan akhir sekali meneliti perancangan bahasa di Singapura dengan pengkhususan terhadap Bahasa Melayu.

3.1 KONSEP-KONSEP PERANCANGAN BAHASA

Perancangan bahasa pada umumnya dinyatakan oleh Cooper (1989) sebagai usaha yang disengajakan untuk mempengaruhi perlakuan individu atau kumpulan dari segi pemerolehan, struktur, atau penentuan fungsi penggunaan sesuatu bahasa.

“deliberate efforts to influence the behavior of others with respect to the acquisition, structure, or functional allocations of their language codes.”

Kaplan dan Baldauf (1997) bersetuju dengan Cooper, iaitu perancangan bahasa meliputi idea, undang-undang dan peruntukan, kepercayaan serta langkah-langkah yang diambil untuk mencapai perubahan yang telah dirancang (atau dirancang untuk diberhentikan) penggunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat.

“Language planning is a body of ideas, laws, and regulations (language policy), rules, beliefs, and practices intended to achieve a planned change (or to stop change from happening) in the language used in one or more communities.”

Fishman (1977) pula telah menyatakan dua bahagian penting dalam perancangan bahasa, iaitu perancangan status bahasa dan perancangan korpus bahasa. Beliau menyatakan bahawa perancangan status bahasa melibatkan dasar pemerintah dalam penentuan pilihan bahasa dan fungsi yang diberikan kepada bahasa tersebut. Ini termasuk juga langkah-langkah yang diambil untuk mengimplementasikan dasar bahasa dari segi penguatkuasaan, motivasi dan mempengaruhi penggunaannya. Perancangan korpus bahasa pula merujuk kepada langkah-langkah yang diambil untuk merubah atau memperbaiki bentuk bahasa yang telah dipilih.

Cooper (1989) pula telah mengemaskini dan menambah satu lagi bahagian dalam perancangan bahasa. Bagi Cooper, terdapat tiga bahagian penting dalam perancangan sesuatu bahasa. Pertama, perancangan status bahasa, kemudian perancangan korpus bahasa, dan yang ketiga perancangan pemerolehan bahasa. Cooper menjelaskan bahawa perancangan status bahasa adalah domain pemerintah atau golongan berkepentingan, korpus bahasa meliputi beberapa aspek penting dalam binaan bahasa tersebut secara struktural, dan pemerolehan bahasa adalah bahagian perluasan dari segi penggunaan dan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut.

3.2 KEPENTINGAN PERANCANGAN BAHASA

Cooper(1989)menyatakanbahawaperancanganbahasatidakdilaksanakan atas dasar kepentingan bahasa tersebut, tetapi untuk mencapai objektif non-linguistik. Ini bermaksud perancangan bahasa berlaku bukan kerana hendak memperjuangkan atau melestarikan sesuatu bahasa, tetapi atas alasan yang bukan bersifat kebahasaan. Keperluan perancangan bahasa selalunya dikaitkan dengan elemen kesatuan dan pembangunan sesebuah negara. Dalam konteks Singapura, sebelum 1965, Bahasa Melayu menjadi bahasa luas penggunaan (*language of wider communication*), bahasa penyatuan dan bahasa ilmu.

Selepas 1965, Bahasa Inggeris mengambil tempat Bahasa Melayu sebagai bahasa luas penggunaan, bahasa penyatuan dan bahasa ilmu. Secara umumnya, perubahan ini berlaku atas keperluan semasa dan mengambil kira kedudukan Singapura, iaitu sebuah negara pulau yang tiada sumber alamnya sendiri kecuali sumber manusia. Untuk keluar dari kepompong dunia ketiga, pemimpin awal kita mengambil langkah pragmatis dan memilih untuk menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama – bahasa pentadbiran, bahasa pendidikan, bahasa undang-undang dan bahasa luas penggunaan. Bahasa Melayu walaupun mengekalkan statusnya sebagai Bahasa Kebangsaan (atas sebab-sebab sejarah dan geografi) diberi penambahan status sebagai Bahasa Rasmi sama dengan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Jika pada tahun 60an Bahasa Melayu menjadi bahasa penting dengan penubuhan Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan (DBKK) yang berperanan memajukan dan melestarikan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa pentadbiran. Perkara yang sama tidak berlaku pada awal 70an dengan penutupan DBKK dan gerakan kepada perluasan penggunaan Bahasa Inggeris melalui Sistem Pendidikan Baharu.

Oleh itu, penggunaan Bahasa Inggeris dan dasar dwibahasa menjadi pemangkin kepada kemajuan Singapura dari ekonomi dunia ketiga kepada ekonomi dunia pertama dalam masa 50 tahun.

3.3 PERANCANGAN BAHASA DENGAN PENGKHUSUSAN TERHADAP BAHASA MELAYU

Berdasarkan kerangka teori Cooper (1989), terdapat tiga fasa utama dalam proses perancangan sesuatu bahasa, iaitu perancangan status bahasa, perancangan korpus bahasa dan perancangan pemerolehan bahasa. Kita akan meninjau ketiga-tiga fasa ini dalam perancangan Bahasa Melayu di Singapura.

Perancangan status bahasa Melayu di Singapura perlu dilihat dari perspektif ideologi bahasa Singapura sendiri. Tan (2007) menjelaskan bahawa terdapat lima ciri ideologi bahasa Singapura. Pertama, kesamarataan di kalangan empat bahasa rasmi. Kedua, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan merupakan pilihan simbolik berlandaskan realiti geopolitik Singapura. Ketiga, Bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan – bahasa perniagaan, bahasa pentadbiran, bahasa pendidikan. Keempat, Bahasa Inggeris sebagai bahasa lingua franca rakyat Singapura. Kelima, ekonomi sebagai teras pemilihan kepentingan sesuatu bahasa. Ciri-ciri ini menunjukkan sikap pragmatis pemerintah Singapura dalam menentukan dasar bahasa negara. Walaupun pada mulanya, Bahasa Melayu memainkan peranan penting, namun kemudian Bahasa Inggeris mengambil alih atas keperluan kelangsungan Singapura sebagai sebuah negara yang maju.

Kita juga dapat lihat penentuan ini dalam kenyataan Encik Lee Kuan Yew melalui bukunya *My Lifelong Challenge: Singapore's Bilingual Journey* (2011). Beliau melakarkan lapan prinsip utama dalam dasar dwibahasa Singapura. Antaranya adalah dasar bahasa sebagai instrumen penting dalam mencapai objektif negara dan keperluan pentadbiran, dasar bahasa sebagai kunci kejayaan ekonomi negara, dasar bahasa bukan sekadar alat perhubungan tetapi memainkan

peranan penyampaian nilai, dan dasar bahasa adalah proses yang berterusan dan bersifat dinamis. Ini sekali lagi menunjukkan sikap pragmatisme yang menjadi landasan dasar bahasa Singapura.

Perancangan korpus bahasa mengikut Cooper (1989) boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu grafisasi, standardisasi, modernisasi dan renovasi.

Grafisasi merujuk kepada pemilihan bentuk tulisan atau aksara. Aksara Melayu yang popular pada awalnya adalah bentuk tulisan jawi. Pada tahun 1956, semasa Kongres Bahasa Melayu Ketiga di Singapura, ASAS50 menyarankan perluasan penggunaan aksara rumi agar bahasa Melayu lebih mudah diluaskan penggunaannya di Nusantara. Menurut Sa'eda (2010), penggunaan tulisan rumi pada waktu itu telah menjadi pemangkin kepada Bahasa Melayu menjadi lingua franca di Nusantara dan membantu penggunaannya di kalangan penutur bukan Melayu.

Standardisasi bahasa merujuk kepada keperluan menggunakan bentuk bahasa yang diterima umum. Terdapat dua cara untuk melakukan ini. Sama ada secara semula jadi atau melalui perancangan yang berstruktur. Dalam konteks Bahasa Melayu Singapura, standardisasi bahasa pada mulanya berlaku secara semula jadi ataupun ikut evolusi bahasa tersebut. Pada 1976, kita mengamalkan Sistem Ejaan Baharu dalam sistem pendidikan Bahasa Melayu. Ini merupakan sebahagian daripada langkah penstandardan Bahasa Melayu yang diperkenalkan oleh MOE. Penstandardan tulisan dan ejaan berjalan dengan lancar dan diterima umum oleh masyarakat pengguna sebagai satu proses yang memanfaatkan perkembangan Bahasa Melayu. Pada 1993, MOE mengambil langkah lanjut dengan standardisasi sebutan – sebutan baku. Proses ini mengambil masa yang agak lama dan hingga kini, iaitu selepas 28 tahun pembakuan sebutan, masih terdapat golongan masyarakat pengguna yang sukar menerima perubahan ini. Isu ini akan ditangani dalam bahagian seterusnya.

Kodifikasi merupakan bahagian penting dalam proses standardisasi. Kodifikasi bahasa merujuk kepada undang-undang bahasa tersebut. Ini meliputi undang-undang bunyi, binaan kata, ayat berserta struktur binaannya. Antara proses dalam standardisasi bahasa adalah penentuan norma-norma bahasa tersebut. Sebelum standardisasi itu boleh diguna pakai, ia mesti melalui proses penerimaan oleh masyarakat pengguna. Masyarakat pengguna akhirnya menjadi penentu sama ada norma tersebut boleh diguna pakai secara berterusan dan kemudian menjadi bentuk yang lazim digunakan.

Modernisasi bahasa, menurut Cooper (1989), merujuk kepada proses yang mana sesuatu bahasa itu menjadi pengantar komunikasi untuk topik-topik moden dan bentuk-bentuk wacana. Dalam erti kata lain, ia merupakan proses yang memungkinkan sesuatu bahasa itu memenuhi fungsi-fungsi komunikatif baharu. Fungsi-fungsi penggunaan bahasa tersebut mungkin baharu bagi masyarakat pengguna ataupun sebelum ini mereka menggunakan bahasa lain. Oleh yang demikian, bahasa perlu mengalami proses modernisasi agar ia boleh digunakan setara dengan perkembangan ekonomi sesebuah negara. Jika bahasa tersebut tidak dapat dimodenkan dengan istilah-istilah baharu, ia mungkin akan disingkir atau tersingkir dan digantikan dengan bahasa lain yang boleh menepati keperluan tersebut. Modernisasi bahasa menjadi elemen penting dalam kelangsungan sesuatu bahasa dalam era globalisasi dan ledakan maklumat. Cooper (1989) berpandangan bahawa istilah boleh dibentuk melalui sumber rumpun bahasa tersebut atau diterjemahkan dari bahasa asing.

Renovasi bahasa merujuk kepada usaha merubah kod yang sudah dibentuk dan diterima pakai, sama ada atas alasan kecekapan, estetik, atau ideologi nasional atau politik. Cooper (1989) menjelaskan bahawa penggantian atau pembaharuan sistem tulisan yang sudah sedia ada bukan grafisasi tapi regrafisasi. Pemurnian bahasa yang sudah standard bukan standardisasi tapi restandardisasi.

Oleh itu, bagi Cooper (1989), bahasa yang direnovasi tidak memenuhi fungsi komunikatif yang baharu. Bahasa yang direnovasi melaksanakan fungsi komunikatif yang lama. Ini berbeza dari modenisasi bahasa yang mana bahasa tersebut akan melaksanakan fungsi komunikatif bahasa yang baharu. Perbezaannya adalah renovasi membenarkan kod bahasa untuk melaksanakan fungsi lama dalam bentuk baharu. Oleh itu, perancangan korpus adalah proses keseimbangan yang perlu diberi perhatian. Keseimbangan antara yang lama dengan yang baharu sama seperti keseimbangan antara warisan dan pembangunan.

Perancangan pemerolehan bahasa pula merujuk kepada bagaimana sesuatu bahasa yang telah dipilih dan kemudian dikodifikasikan disebarluaskan kepada masyarakat dan khalayak pengguna agar menjadi bahasa yang mampu menjadi bahasa ilmu, bahasa pentadbiran dan bahasa penyatuan rakyat. Dalam konteks pemerolehan bahasa Melayu di Singapura, pemerintah melaksanakan banyak inisiatif melalui program-program sekolah yang telah dijelaskan melalui fasa-fasa dalam Pendidikan. Perancangan pemerolehan Bahasa Melayu di Singapura berkembang sealiran dengan perkembangan sistem pendidikan Singapura yang dianggap sebagai antara yang terbaik di dunia. Perkembangan ini saya maktubkan dalam 6 Idea Utama Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ibunda (Aidil, 2018) iaitu, pengajaran berlandaskan perkara-perkara berikut:

Teori Pembelajaran Konstruktivis. Teori ini dipelopori oleh Vygotsky yang menyatakan bahawa sesuatu pembelajaran itu bertitik-tolak dari pengetahuan sedia ada (PSA) pelajar. Oleh yang demikian, persediaan dan perancangan sesuatu pengajaran itu perlu mengambil kira PSA pelajar, kerana menurut Vygotsky, maklumat baharu dibina melalui maklumat lama. Melalui teori ini, seseorang pelajar itu memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran, dan proses ini bersifat dua hala, iaitu dari murid ke guru dan guru ke murid.

Pembelajaran Bahasa Secara Komunikatif. Nunan menjelaskan bahawa terdapat tiga tahap dalam pembelajaran bahasa secara komunikatif (CLT). Tahap pertama dipanggil tahap mekanikal yang mana pengajaran berdasarkan formula atau rumus dan diajar secara latih tubi untuk mengukuhkan pengetahuan asas pelajar. Tahap kedua dipanggil tahap bermakna yang mana pelajar menggunakan pengetahuan awal pada tahap pertama ke dalam konteks yang dipandu oleh guru. Makai a sebagai Latihan awal penggunaan maklumat dalam konteks yang akan digunakan dengan meluas kelak. Tahap ketiga dipanggil tahap komunikatif yang mana pelajar akan diberi teks dan mereka perlu menggunakan pengetahuan awal dari segi mekanikal dan bermakna untuk melakukan aktiviti berdasarkan pengajaran bahasa berdasarkan tugas (*task-based language teaching*). Gabungan secara urutan ketiga-tiga tahap ini meliputi CLT.

Pengajaran Pembezaan. Tomlinson menjelaskan bahawa Pengajaran Pembezaan (Differentiated Instructions) (DI) merujuk kepada falsafah pengajaran yang berpaksikan pelajar dan bukan membeza-bezakan pelajar. Dalam DI mengikut Tomlinson, sesuatu pengajaran itu disesuaikan untuk segolongan pelajar sasaran berdasarkan sama ada tahap kesediaan, minat atau profil pelajar. Kemudian, guru perlu memikirkan, bahagian mana yang hendak disesuaikan, iaitu sesuaikan pada bahagian proses pengajaran, pengisian pengajaran atau produk atau hasil yang diinginkan di penghujung pengajaran. Hanya melalui Langkah-langkah ini barulah sesebuah pengajaran itu menepati kriteria yang dikenal pasti oleh Tomlinson, iaitu pengajaran yang disesuaikan berdasarkan keperluan pelajar yang berbeza.

Pengajaran Eksplisit. Dalam pengajaran eksplisit menurut Olson (2003) guru mempunyai tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat secara langsung kepada pelajar mengikut struktur yang tertentu manakala tanggungjawab pelajar adalah untuk cuba memahami pengajaran yang telah disampaikan. Menurut Ellis (2005), pengajaran eksplisit bersifat “tersusun dan berstruktur, diarah guru, dan

berpaksakan tugas". Kebaikan pengajaran eksplisit adalah pelajar lebih mudah mengikuti pengajaran kerana mereka akan mengikuti rutin pengajaran yang telah biasa diamalkan guru di dalam kelas.

Pengajaran berteraskan nilai. Konsep pengajaran berteraskan nilai bukanlah sesuatu yang baharu dalam konteks pendidikan bahasa Melayu/Ibunda di Singapura. Semenjak 1965 lagi, Bahasa Melayu dipelajari sebagai bahasa penyampai nilai kepada masyarakat penggunanya. Pemerintah Singapura juga menekankan peri pentingnya mempelajari Bahasa Melayu/Ibunda dalam pengekalan nilai masyarakat sebagai pendinding kepada peluasan penggunaan Bahasa Inggeris di Singapura. Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ibunda, pencapaian visi Arif Budiman, iaitu insan berilmu yang menyumbang kepada masyarakat, merupakan nilai penting yang perlu diamati dan didapati oleh setiap pelajar dan pengguna Bahasa Melayu.

Penilaian holistik. Aspek penilaian merupakan komponen yang amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap perkara yang diajar berdasarkan objektif yang hendak dicapai perlu berupaya untuk dinilai keberkesanan pengajaran tersebut dan tahap pencapaian pelajar. Oleh itu, sesuatu penilaian itu perlu bersifat menyeluruh atau holistik. Iaitu, tidak hanya menilai produk pengajaran, tetapi juga menilai proses pengajaran dan sama ada pengajaran yang diraih bersesuaian dengan keperluan pelajar ataupun tidak. Penilaian juga diharap dapat membantu guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka kerana ia menjadi kayu ukur keberkesanan pendekatan yang diambil oleh guru tersebut.

4 PERSPEKTIF PERANCANGAN BAHASA MELAYU MENJELANG 2065

Setelah melihat perancangan Bahasa Melayu di Singapura. Kini tiba masanya untuk kita meninjau perspektif pengkaji pula terhadap perancangan Bahasa Melayu menjelang 2065. Bahagian ini akan dibahagikan kepada dua, iaitu dapatan dari apa yang sudah berlaku dan harapan pengkaji terhadap perancangan menjelang 2065.

4.1 DAPATAN

Berdasarkan apa yang telah pengkaji perkatakan dalam sejarah perkembangan Bahasa Melayu serta perancangannya semenjak 1956, terdapat beberapa dapatan.

Pertama, perkara penting yang perlu kita tahu dalam perancangan bahasa Singapura adalah tiadanya agensi khusus yang menjalankannya. Oleh itu, perancangan bahasa dicetus melalui laporan reviu atau semak semula penggunaan Bahasa Mandarin dan Bahasa Inggeris dalam konteks dwibahasa. Oleh itu, perancangan dilaksanakan melalui MOE dan bersifat perancangan bahasa dalam pendidikan.

Kedua, perancangan Bahasa Melayu berpaksikan keperluan Bahasa Mandarin dan perkaitannya dengan penggunaan Bahasa Inggeris. Dalam erti kata lain, perancangan Bahasa Melayu bersifat *Mandarin-inspired*. Ini bermaksud, titik permulaan sesuatu perubahan itu tidak semestinya keperluan Bahasa Melayu. Namun, Bahasa Melayu meraih manfaat dari pendekatan ini terutama sekali dalam konteks perancangan pemerolehan bahasa.

Ketiga, oleh kerana fungsi Bahasa Melayu sebagai pendinding budaya, ruang lingkupnya terhad. Pada satu perspektif, kita boleh menyatakan bahawa ini akan mengecilkan ruang penggunaan bahasa tersebut. Namun, ia tidak semestinya begitu. Masyarakat pengguna boleh menggembelng tenaga dan menentukan bahawa apa sahaja ruang yang ada, sama ada di rumah, di kalangan rakan dan taulan, saudara-mara, budaya dan sastera Melayu dan konteks agama, Bahasa Melayu boleh terus berkembang dan menjadi domain penggunaan yang kukuh dan dinamis. Jika masyarakat pengguna

dapat memanfaatkan ruang ini, Bahasa Melayu akan menjadi bahasa yang penting bukan hanya di Singapura, tetapi juga di peringkat serantau

4.2 HARAPAN

Namun, pengkaji berpendapat bahawa untuk melangkah ke hadapan menjelang 2065 dan mengambil kira perubahan terhadap demografik pengguna Bahasa Melayu, terdapat keperluan untuk merancang Bahasa Melayu dalam konteks yang berbeza dengan pendekatan yang berbeza juga.

Pertama sekali, pengkaji melihat keperluan untuk mengimbangi perancangan yang berlandaskan nostalgia warisan dengan dinamika pembangunan. Pengkaji telah membuat pembentangan berdasarkan topik ini pada tahun 2018 di Taman Warisan Melayu dengan kenyataan bahawa perancangan kita perlu diimbangi antara keperluan melihat kepada warisan Melayu, dan juga dengan bagaimana warisan Melayu itu dapat dikekalkan dalam bentuk yang relevan dan boleh diterima pakai oleh masyarakat menjelang 2065. Contohnya, pengajaran peribahasa perlulah disesuaikan dengan keperluan kini, dan elemen warisan yang ditonjolkan seperti pemakanan dan kesenian perlulah dikaitkan dengan isu-isu kontemporari seperti kesihatan dan mesra alam sekitar. Hanya dengan mengaitkan nilai-nilai Melayu dengan keperluan semasa, penggunaan Bahasa Melayu akan dilihat kerelevanannya menjelang 2065.

Kedua, perancangan berdasarkan bukti dan bukan ideologi semata. Perkara penting yang pengkaji pelajari dalam perancangan bahasa adalah ia tidak semestinya berdasarkan kepentingan bahasa tersebut tetapi kerana kepentingan dasar ataupun golongan yang berkepentingan. Namun, elemen ideologi ini boleh dikurangkan jika kita memberi perhatian kepada perubahan demografi pengguna bahasa dan kesan terhadap sesuatu dasar. Dalam konteks Bahasa Melayu, perubahan kepada demografi pengguna menimbulkan kebimbangan segolongan masyarakat, iaitu pencinta dan pejuang bahasa. Berdasarkan data Banci Penduduk 2020 (sila rujuk kepada gambarajah 1), kita mendapati bahawa bahasa dominan di kalangan masyarakat Melayu yang

berumur 5 tahun ke atas berada pada tahap 60.7 peratus untuk Bahasa Melayu dan 39 peratus untuk Bahasa Inggeris. Bermakna dua pertiga masyarakat Melayu bertutur dalam Bahasa Melayu di rumah. Dalam konteks dwibahasa, ini adalah data yang masih boleh diterima walaupun penurunan penggunaan Bahasa Melayu menjunam dari 4 peratus pada tahun 1980 hingga 1990, 2 peratus dari 1990 hingga 2000, 9 peratus dari 2000 hingga 2010, dan menjunam sebanyak 22 peratus dari 2010 hingga 2020. Secara keseluruhan, dalam masa 40 tahun, penggunaan Bahasa Melayu telah menjunam sebanyak 37 peratus dari 1980 hingga 2020.

Namun, data yang lebih memberi gambaran penggunaan menjelang 2065 adalah peratusan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan mereka yang berumur antara 5 hingga 14 tahun di kalangan masyarakat Melayu semasa di rumah. Merujuk kepada gambarajah 2, pada tahun 2000 9.4 peratus masyarakat Melayu di peringkat umur 5-14 tahun menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan di rumah, 2010 25.8 peratus (peningkatan 16.4 peratus), dan 2020 63.8 peratus (peningkatan 38 peratus). Jika dikira dari 2000 hingga 2020, peningkatannya adalah 54.4 peratus. Dan jika ini berterusan, menjelang 2065 (sekitar 40 tahun lagi), kemungkinan besar peratusan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa dominan di kalangan masyarakat Melayu dalam peringkat umur ini akan mengecil sehingga Bahasa Melayu tidak lagi digunakan sama sekali oleh mereka.

Maka terdapat keperluan untuk golongan pengguna dan mereka yang berkepentingan untuk melihat data ini dan merancang berdasarkan kenyataan dalam data tersebut. Nampaknya, perancangan dari aspek pendidikan Bahasa Melayu tidak membawa kesan terhadap penggunaan Bahasa Melayu di rumah dan ruang selain pendidikan. Aspek ini perlu diberi tumpuan. Setakat ini, tumpuan lebih diberikan terhadap perancangan dalam pendidikan, dan kurang terhadap perancangan dalam masyarakat. Mungkin penumpuan atau terlebih penumpuan terhadap aspek sebutan dan penekanan terhadap sebutan baku telah membuat masyarakat pengguna semakin terasing dengan bentuk baharu ini yang tidak sehati dengan lidah mereka atau identiti masyarakat Melayu

Singapura. Apabila Malaysia (yang menjadi pelopor kepada sebutan baku) merubah hala tujuan mereka, persoalan pengekalan Singapura akan ideologi bentuk sebutan tersebut dan rasional di sebalik pengenalan dan pengekalannya nampak semakin rapuh. Dan yang penting sekali, setiap kali terdapat perubahan demografik pengguna, akan timbul pedagogi pengajaran yang perlu disesuaikan untuk menepati keperluan yang berubah ini. Oleh itu, kemungkinan teknik penggunaan bahasa lazim untuk mengajar bahasa sasaran diguna pakai menjelang 2065. Dalam konteks ini, bahasa lazim itu kemungkinan besar Bahasa Inggeris digunakan untuk mengajar bahasa sasaran, iaitu Bahasa Melayu. Kemungkinan ini tidak boleh ditolak dan masyarakat Melayu perlu menerimanya pada masa akan datang jika sesuatu tidak dilakukan untuk menangani kemerosotan penggunaan Bahasa Melayu di rumah-rumah orang Melayu itu sendiri.

Ketiga, perancangan perlu bersifat keperluan dalaman atau endogenous planning dan bukan exogenous planning. Terdapat juga keperluan yang mana Singapura menentukan sendiri bentuk Bahasa Melayunya. Seperti yang dinyatakan oleh Pakir (2004) – Singapore is linguistically insecure, kerana standard bahasanya berlandaskan negara lain. Singapura yang pada satu ketika dahulu menjadi pusat penerbitan akhbar, majalah dan buku-buku Melayu, kini merujuk kepada Malaysia dan berharap kepada 'kepakaran' Malaysia dalam penggunaan Bahasa Melayunya. Sepatutnya ini tidak berlaku lagi kerana kini jumlah lulusan Bahasa Melayu di peringkat tinggi (Sarjana dan PhD) semakin meningkat. Kepakaran di kalangan lulusan ini perlu digembleng untuk mengusahakan sekurang-kurangnya pangkalan data korpus Bahasa Melayu Singapura yang kemudian boleh diguna pakai dalam konteks masyarakat dan kemudian mendapat pengiktirafan sebagai istilah yang diguna pakai di Singapura. Mungkin satu hari nanti kita boleh melahirkan buku tatabahasa kita sendiri yang kali terakhir ditulis oleh Pak Liaw Yock Fang pada tahun 1994 bersama Abdullah Hassan bertajuk Nahu Melayu Moden.

5 PENUTUP

Pemerintah telah menjalankan banyak aktiviti dan inisiatif untuk melestarikan Bahasa Melayu, terutama sekali dalam konteks pendidikan melalui program pembelajaran di sekolah. Sekarang tiba masanya untuk keluarga Melayu itu sendiri yang melakukan sesuatu. Data melalui Banci Penduduk menunjukkan penggunaan Bahasa Melayu di rumah. Aspek ini di luar ruang lingkup pemerintah. Ini ruang lingkup kita sendiri. Masyarakat Melayu sendiri yang boleh menentukan kelangsungan Bahasa Melayu di Singapura dalam konteks Bahasa Melayu Dijunjung, Bahasa Inggeris Digendong.

Baru kembang bunga seroja,
Sudah ada orang mencuri,
Besar-besar istana raja,
Kecil-kecil pondok sendiri.

Kain berlipat dalam istana,
Pakaian puteri raja kayangan,
Sepatah nasihat ilmu berguna,
Secubit budi jadi kenangan.

Kalau tidak kelapa puan,
Tidak puan kelapa bali,
Harap kami kepada tuan,
Tidak tuan siapa lagi.

GAMBARAJAH 1

Dominant home language of resident Malay population aged 5 and over (%)

Language used at home	1980	1990	2000	2010	2020
English	1.5	6.1	7.9	17.0	39.0
Malay	97.7	93.7	91.6	82.7	60.7
Others	0.7	0.1	0.5	0.3	0.3

GAMBARAJAH 2

Cabaran masa depan




RUJUKAN UTAMA

Mohamed Aidil Subhan. *Bilingualism and Malay Language Planning In Singapore*. Partridge Singapore. 2018.

Mohamed Aidil Subhan. *Issues In Malay Language Planning: Heart Truths*. Partridge Singapore. 2020.

Department of Statistics. SingStat Website. Census of Population 2020. www.singstat.gov.sg



ISSN 2810-9082



9 772810 908005

AN ONLINE
PUBLICATION BY:



**CENDEKIAWAN
LESTARI**
SERIES